



**SYED Saleh Syed Abdul Rahman (dua, kiri) bersama Presiden Bumitra Malaysia, Harun K.C. Ahmmu, Setiausaha Agung Bumitra Malaysia, Abdul Rahman Mohd. Ali (kanan) dan Ketua Bahagian Agensi Tabung Haji, Anuar Ahmad (kiri) pada sidang akhbar Karnival Haji, Umrah & Pelancongan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SYAKIR RADIN**

## Tabung Haji dalam proses akhir muktamad senarai jemaah

UTUSAN MALAYSIA 16/1/2024 M/S: 6

**KUALA LUMPUR:** Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) kini dalam proses akhir untuk memuktamadkan senarai jemaah haji bagi musim 1445H/2024.

Pengarah Eksekutif Haji Tabung Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, surat tawaran haji akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

“Kita akan umumkan apabila sudah keluar surat tawaran,” katanya dalam sidang akhbar pelancaran Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan 2024 di sini semalam.

Mengulas mengenai kenaikan kos, beliau berkata, kos haji meningkat setiap tahun disebabkan oleh kerana pelbagai aspek terutamanya dipengaruhi inflasi, cukai nilai tam-

bah (VAT), pergerakan mata awang asing antara ringgit Malaysia dengan saudi riyal dan dolar Amerika Syarikat.

Bayaran haji bagi musim haji 1444H/2023 untuk jemaah haji Muassasah berjumlah RM10,980 bagi holongan B40; RM15,980 (M40) dan RM30,850 (T20).

Sementara itu Syed Saleh berkata, sebanyak 25 syarikat pelancongan tempatan yang mendapat lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) bagi musim haji 1445H/2024 akan mengambil bahagian dalam karnival haji selama tiga hari di Movenpick Hotel and Convention Centre (MHCC), Sepang bermula Jumaat ini.

Katanya, karnival anjuran Tabung Haji dengan kerjasama Persatuan Pengenda-

lian Pelancongan Bumiputera (Bumitra) itu menyasarkan kehadiran 10,000 orang pengunjung.

“Karnival ini satu usaha mempromosikan pakej haji dan menggalakkan PJH mengadakan promosi pakej umrah dan pelancongan,” ujarnya.

Beliau berkata, karnival itu juga merupakan usaha Tabung Haji dan Bumitra untuk memberi penerangan kepada orang ramai berhubung penipuan pakej haji dan jemaah terkandas.

Selain tawaran pakej haji, umrah dan pelancongan, pelbagai aktiviti menarik turut disediakan antaranya cabutan bertuah khusus untuk pengunjung dengan tawaran hadiah lumayan termasuk pakej menunaikan umrah.